

Kerosakan berulang, salah siapa?

Segelintir penduduk tidak bertanggungjawab kencing, berak di dalam lif

KUALA LUMPUR

MASALAH lif rosak sudah tidak asing lagi dalam kalangan penghuni kebanyakan flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh Malaysia.

Namun, masalah lif rosak bukan sekadar menyebabkan saban hari penghuninya terpaksa 'merangkak' naik turun tangga bahkan lebih menggerunkan turut mengakibatkan kecelakaan ketika terperangkap di dalamnya.

Terbaru pada 2 Ogos lalu, lapan individu cedera apabila lif dinaiki mereka mengalami kerosakan dan jatuh dari tingkat lima di PPR Kerinchi, Pantai Dalam, Kuala Lumpur.

Empat mangsa termasuk seorang wanita dan seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun patah kaki, manakala empat lagi mangsa cedera di pergelangan kaki.

Wartawan *Sinar Harian* meninjau ke beberapa flat PPR untuk mendengar keluhan penghuni flat mengenai lif uzur yang kini mengancam nyawa mereka.

Menurut penghuni PPR Kampung Baru Air Panas Setapak di ibu negara, mereka sudah lali dengan keadaan lif rosak yang berulang kali dibaiki di perumahan bertingkat itu sejak beberapa tahun lalu.

Seorang pekerja pembersihan di bangunan itu V Malica, 57,

Kejadian lapan orang cedera apabila lif dinaiki di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, Kuala Lumpur terhempas dari tingkat lima dipercayai akibat sistem brek tidak berfungsi pada jam 2.30 petang, 2 Ogos lalu menimbulkan persoalan sejauh mana keselamatan kemudahan itu di kediaman PPR.

Umum tahu, banyak kediaman PPR di Malaysia sudah berusia bahkan ada yang mencecah usia 20 tahun. Jadi apakah tindakan pihak berkaitan bagi mengatasi kemalangan membabitkan lif di PPR tidak berlaku lagi?

menceritakan semula detik cemas apabila nyaris menjadi korban lif uzur apabila lif tiba-tiba terjatuh secara mengejut dari tingkat 17.

"Saya bersendirian menaiki lif untuk mengambil sampah di tingkat paling atas ketika itu. Tiba-tiba di tingkat 17, lif turun dengan pantas ke tingkat 16, mujur ia tidak terhempas ke tingkat paling bawah," katanya.

Bekas Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Kampung Baru Air Panas, Hussin Yussuf berkata, sebuah lif di blok B juga menamatkan apabila pergerakan tidak lancar dan selalu terhentut-hentut.

"Keadaan itu menakutkan penduduk yang menggunakan lif tersebut setiap hari. Tidak dinafikan apabila terdapat aduan kerosakan, pihak kontraktor segera menjalankan kerja-kerja baik pulih namun masalah seperti ini tetap berulang," katanya.

Hussin berkata, keadaan lif di bangunan tersebut sebelum ini

agak teruk.

"Sebelum ini, ada penduduk kencing dan berak di dalam lif. Ia menyebabkan lantai lif rosak dan kotor. Setelah pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), insiden itu sudah tiada," katanya.

Seorang penduduk Blok E, Nik Ali Yaacob, 56, penduduk juga berhadapan kesesakan apabila terpaksa menggunakan sebuah lif yang masih berfungsi, lebih-lebih lagi pada waktu puncak.

"Bayangkan jika berlaku kepada golongan orang kurang upaya (OKU) dan warga emas, pasti menyusahkan mereka," katanya.

Nik Ali berkata, sikap segelintir penduduk yang membawa motosikal menaiki lif juga dipercayai menjadi salah satu punca kerosakan kemudahan itu.

"Perbuatan itu boleh menyusahkan lif yang sudah berusia cepat rosak dan menyusahkan penghuni secara keseluruhan.

"Saya pernah menegur sikap



Nik Ali bersama Hussin melihat lif rosak di Blok E.



Malica menunjukkan lif dinaikinya yang menyebabkan dia cemas baru-baru ini.

penduduk itu, namun mereka memberi alasan khuatir motosikalnya hilang jika diparkir di bawah PPR ini," katanya.

Penduduk Norhashimah Rejab 55, berkata, dia tidak pernah ada pengalaman tersangkut dalam lif tetapi perkara itu selalu terjadi di PPR itu.

"Penduduk terpaksa memanggil pihak berkenaan untuk

menyelamatkan mereka yang terperangkap. Lif juga akan berhenti secara tiba-tiba dan membuatkan penduduk panik," katanya.

Tinjauan *Sinar Siasat* ke bangunan 17 tingkat itu mendapati, lapan blok mempunyai 24 buah lif, daripada jumlah itu terdapat dua lif di Blok E tidak berfungsi sejak dua bulan lalu manakala sebuah lif di Blok D turut rosak.

Penduduk PPR Lembah Subang 1 minta kontraktor lebih cekap urus lif

SUBANG - Kepadatan penduduk yang tinggi dianggarkan lebih 2,000 orang menggunakan lif di Blok F, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 di sini pada setiap hari.

Ketua Blok tersebut, Rahman Amand, 61, berkata, untuk memastikan lif di blok tersebut mampu beroperasi secara optimum, pihaknya memohon kontraktor yang dilantik memantau dan menyelenggara secara berkala.

Menurutnya, sebelum ini pengurusan lif di PPR Lembah Subang 1 di bawah pengurusan pihak berkuasa tempatan dan sejak bertukar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan (KPKT) penyelenggaraan lif lebih baik.

"Kami minta kontraktor yang dilantik memantau dan penyelenggaraan berkala sekurang-kurangnya enam bulan sekali. Kami bimbang jika kejadian seperti di PPR Kerinchi berlaku juga di sini," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* baru-baru ini.

Rahman berkata, memandang lif di kawasan kediaman itu kerap digunakan kerana terdapat 392 unit rumah dengan purata bilangan isi rumah seramai lima orang.

Seorang penduduk, IK Saravanan, 45, berkata, sejak lif berkenaan ditukar kepada lif baharu



Dianggarkan hampir 2,000 penduduk menggunakan tiga unit lif ini setiap hari.

kira-kira setahun lalu, kerosakan seperti *lif out of service* cuma berlaku antara tiga dan empat kali

sahaja dalam sebulan. Menurutnya, jika dahulu kerosakan lif antara 20 dan 30 kali da-

lam sebulan itu perkara biasa dialami penghuni di PPR berkenaan.

"Kami harap pihak bertanggungjawab pantau keadaan lif dengan lebih kerap kerana jika rosak dalam tempoh masa lama, penduduk seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU) akan susah," katanya.

Seorang lagi penduduk, Ery Ayub, 75, berkata, dia antara yang terawal di PPR berkenaan dan empat tahun lalu terdapat kejadian seorang remaja lelaki berusia 19 tahun cedera susulan lif meluncur ke bawah.

"Mujur dah tak ada kejadian macam itu di sini. Malah, kejadian lif rosak pun dah kurang," katanya.